

Pengetahuan Pelajar Tentang Peranan Penasihat Akademik Bagi Pelajar-Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 Di Universiti Teknologi Malaysia

Nur Qistina Bte Abdullah & Tuan Khairul Adhar Bin Tuan Kub

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar tahun satu sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor tentang peranan penasihat bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah di dalam dan luar akademik. Seramai 383 orang responden telah dipilih dari sepuluh buah fakulti di Universiti Teknologi Malaysia. Soal selidik telah digunakan sebagai instrument kajian. Soal selidik yang digunakan mengandungi 45 item yang berdasarkan kepada skop kajian. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dan Alfa Cronbachnya ialah 0.81. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 13*. Hasil analisis mendapati secara keseluruhannya menunjukkan pelajar tidak mempunyai pengetahuan mengenai peranan penasihat akademik. Beberapa cadangan telah dibuat kepada pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP), Hal Ehwal Akademik (HEA), fakulti-fakulti dan penasihat-penasihat akademik.

Katakunci : pengetahuan pelajar, penasihat akademik, pelajar

Pengenalan

Pembangunan dan kemajuan yang berlaku di sesebuah negara banyak bergantung kepada perkembangan institusi pengajian tinggi (IPT) negara tersebut. Ini bermakna peranan IPT amatlah penting bukan sahaja melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan, tetapi juga untuk membentuk serta mengawal sahsiah seseorang insan supaya dapat mengembangkan ilmu dan daya kognitifnya bagi menghadapi cabaran hidup termasuk cabaran pekerjaan (Noran Fauziah, 1993). Bagi semua IPT, pencapaian akademik pelajar merupakan salah satu tanggungjawab penting dalam pembangunan seseorang pelajar. Pencapaian akademik pelajar merupakan kayu-ukur pembangunan pelajar sesebuah universiti.

Petikan akhbar di atas menggambarkan dengan jelas mengenai hasrat pihak pentadbiran UTM ingin melahirkan mahasiswa yang berkualiti dari segenap aspek. Pencapaian akademik pelajar yang cemerlang merupakan salah satu daripada aspirasi utama universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti. Pencapaian akademik pelajar tidak boleh dicapai dengan mudah tanpa usaha yang menyeluruh daripada pelajar dan pihak pentadbiran universiti itu sendiri.

Perkara ini turut disuarakan oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UTM (MPPUTM), Nik Shamsulbahari Mohd Zainu yang menyatakan bahawa persatuan ini akan membantu pelajar yang bermasalah dari segi akademik dan sebagainya serta menjadi perantara antara pelajar dengan pihak fakulti mahupun universiti. (Berita Harian, 22 November 2006). Di sini jelas timbul persoalan, adakah pelajar-pelajar UTM tidak mempunyai saluran lain untuk menyuarakan segala masalah yang mereka hadapi. Pelajar-pelajar masih lagi buntu dan tiada saluran yang betul untuk menyuarakan masalah mereka. Masalah ini dapat diatasi sekiranya pelajar mengetahui peranan penasihat akademik yang mempunyai skop yang luas dalam membantu pelbagai masalah pelajar.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan, penyelidik ingin mengkaji sejauhmana pengetahuan pelajar tahun satu sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor tentang peranan penasihat akademik.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti :

- i. Menenalpasti pengetahuan pelajar tentang peranan Penasihat Akademik (PA) bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah akademik.
- ii. Menenalpasti pengetahuan pelajar tentang peranan Penasihat Akademik (PA) bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah di luar bidang akademik.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini mempunyai kepentingan kepada pelajar, penasihat akademik, fakulti-fakulti, pihak Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Berikut adalah beberapa manfaat yang diperoleh hasil daripada kajian yang dijalankan. Antaranya ialah :

Pelajar : Pelajar akan menyedari dan mempunyai pengetahuan yang jelas tentang keperluan sistem penasihat akademik dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa. Dengan kefahaman yang dimiliki tentang peranan penasihat akademik maka pelajar akan mempunyai tempat bergantung dalam berkongsi dan menyalurkan masalah tanpa ragu-ragu dan tidak terbelenggu dengan masalah yang ada. Segala bentuk masalah yang dihadapi sama ada dalam aspek akademik atau sebaliknya dapat dirungkaikan dengan cara yang betul dan dapat meningkatkan prestasi akademik dan bukan akademik sewaktu di dalam pengajian.

Penasihat Akademik : Hasil daripada kajian ini juga akan membantu penasihat-penasihat akademik untuk lebih mendekati para pelajar dengan lebih rapat dan seterusnya memahami permasalahan dan konflik yang timbul daripada para pelajar. Penasihat akademik juga dapat membantu pelajar dengan lebih berkesan dan efisien sekiranya pelajar bersedia berkongsi masalah dengan mereka. Segala masalah yang timbul akan dapat diselesaikan dengan cara dan tindakan yang betul dan seterusnya meningkatkan prestasi pelajar dalam pelbagai aspek.

Fakulti-Fakulti : Pihak fakulti-fakulti dapat merangka program untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik khususnya bersama dengan penasihat akademik. Selain dari itu pihak fakulti juga dapat mengetahui permasalahan pelajar apabila pelajar berinteraksi dengan berkesan dengan penasihat akademik dan seterusnya penasihat akademik akan mengenegahkan masalah pelajar yang berkaitan kepada pihak fakulti. Di samping itu, pihak fakulti akan menerima impak yang positif apabila prestasi akademik pelajar menunjukkan peningkatan dengan adanya system penasihat yang berkesan oleh penasihat akademik kepada pelajar.

Universiti Teknologi Malaysia : Pihak universiti akan mengkaji dan dapat menambahbaik sistem penasihat akademik untuk digunapakai dengan lebih berkesan bagi semua fakulti. Dengan penyelidikan yang menyeluruh terhadap pelajar di semua fakulti maka kajian ini akan memberikan suatu titik permulaan tindakan bagi pihak universiti untuk membaiki kelemahan sistem penasihat akademik agar bersesuaian untuk dilaksanakan di semua fakulti. Dengan kajian yang dijalankan ini maka pihak universiti akan lebih memahami keadaan para pelajar tentang keperluan dan tindakan yang perlu dibuat untuk menjadikan sistem penasihat ini digunapakai oleh para pelajar dan seterusnya meningkatkan prestasi universiti dalam kelompok university elit di Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi: Setelah pihak universiti dapat menaikkan kecermerlangan akademik pelajar secara menyeluruh di tahap yang tersendiri ekoran daripada adanya system penasihat akademik yang berkesan maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat menggunakan idea sistem penasihat akademik UTM untuk disarankan kepada institusi-institusi tempatan lain.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini merupakan satu kajian yang bersifat deskriptif iaitu kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan tinjauan. Rasional menggunakan kajian berbentuk tinjauan adalah untuk mengukur pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid, 1990). Kaedah ini sesuai digunakan kerana kajian ini melibatkan jumlah responden yang ramai dan ianya lebih membolehkan penyelidik mendapatkan maklum balas daripada responden dengan cepat dan tepat.

Kaedah yang digunakan adalah bertujuan bagi melihat maklumat secara umum serta mengumpul maklumat secara terperinci dan memberi gambaran yang jelas mengenai Pengetahuan Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 Tentang Peranan Penasihat Akademik di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Populasi dan Sampel Kajian

Jadual 1: Jumlah Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 Mengikut Fakulti di UTM

RIL	FAKULTI	JUMLAH (ORANG)
1	FAKULTI ALAM BINA	300
2	FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM	260
3	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	380
4	FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN SUMBER ASLI	590
5	FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	380
6	FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS GEOINFORMASI	260
7	FAKULTI PENDIDIKAN	220
8	FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	460
9	FAKULTI SAINS	630
10	FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN SISTEM MAKLUMAT	350
	JUMLAH	3830

Sumber Pejabat Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik Universiti Teknologi Malaysia, (2007).

Populasi dan sampel dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik merupakan pelajar-pelajar di semua fakulti yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia iaitu Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Fakulti

Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia serta Fakulti Pendidikan. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar tahun satu sesi 2007/2008 yang merupakan populasi sebenar kajian.

Disebabkan oleh jumlah populasi sebenar yang amat besar, iaitu menjangkau seramai 3830 orang pelajar, maka penyelidik menggunakan persampelan kuota untuk memastikan kajian yang dijalankan dapat dikurangkan masa, tenaga dan kos perbelanjaan bagi memudahkan kerja penyelidikan. Penyelidik memilih untuk menggunakan persampelan kuota kerana melalui persampelan ini penyelidik dapat memastikan pengambilan jumlah responden adalah sama rata bagi setiap fakulti kerana ianya berdasarkan peratusan yang sama. Dengan menggunakan kaedah persampelan ini, penyelidik telah membuat pengiraan bagi peratusan untuk setiap fakulti (Azizi Yahaya et.al). Jadual 3.2 menunjukkan bilangan pelajar tahun satu sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia di mana populasinya adalah 3830 orang pelajar. Pengiraan kouta bagi pelajar Fakulti Alam Bina (FAB) sebagai contoh adalah seperti berikut:

$$\text{Peratusan bagi pelajar Fakulti Alam Bina di UTM} = (300 \div 3830) \times 100 = 8 \%$$

Sebanyak 8 peratus pelajar adalah mewakili Fakulti Alam Bina, oleh itu bagi mengira bilangan pelajar Fakulti Alam Bina bagi dimasukkan dalam sampel adalah seperti berikut:

$$= 8\% \text{ daripada } 383 \text{ (saiz sampel)}$$

$$= (8 \div 100) \times 383$$

$$= 30 \text{ pelajar}$$

Maka bilangan pelajar Fakulti Alam Bina yang diambil oleh penyelidik adalah berjumlah 30 orang dan mewakili 8 peratus daripada jumlah keseluruhan sampel. Peratusan ini apabila di tambah dengan peratusan bagi fakulti-fakulti lain akan berjumlah 100 peratus dan ianya mewakili populasi pelajar tahun satu sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia (Azizi Yahaya et.al). Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah responden yang diperolehi dengan menggunakan kaedah persampelan kouta.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan dalam pemerolehan data. Instrumen ini digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berbentuk boring soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat daripada responden yang dilibatkan dalam kajian.

Penggunaan borang soal selidik adalah lebih bersesuaian kerana ianya melibatkan jumlah responden yang ramai bagi membolehkan penyelidik menjimatkan kos penyelidikan di samping ianya lebih praktikal digunakan kerana penyelidik mendapatkan maklumbalas daripada responden dengan lebih berkesan berbanding dengan kaedah temubual. Soal selidik digunakan lebih praktikal untuk semua populasi yang besar kerana ia dapat mengukur pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak dan boleh meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel (Mohd Majid, 1990).

Beberapa item dibina berdasarkan pembolehubah-pembolehubah di dalam soalan kajian. Pembolehubah-pembolehubah seperti pengetahuan pelajar terhadap peranan Penasihat Akademik (PA) dalam membantu masalah akademik dan pengetahuan pelajar tentang peranan Penasihat Akademik (PA) dalam membantu menyelesaikan masalah di luar bidang akademik.

Satu set borang soal selidik diberikan kepada setiap responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini dijalankan adalah bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dibina sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga, kajian ini digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses sebenar pengumpulan data dijalankan.

Kajian rintis ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Seramai 10 orang pelajar tahun satu dari Fakulti Pendidikan telah dipilih bagi menjawab kajian rintis ini. Setelah dilakukan analisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Package For The Social Science) didapati keputusannya menunjukkan indeks kebolehpercayaan menunjukkan 0.81 bagi semua item. Berdasarkan jadual 2 menunjukkan indeks kebolehpercayaan yang diperolehi berada pada kekuatan yang tinggi.

Jadual 2 : Klasifikasi Kekuatan Kolerasi

NILAI ALPHA	KEKUATAN
0.0 – 0.2	Sangat lemah
0.2 – 0.4	Lemah
0.4 – 0.7	Sederhana
0.7 – 0.9	Tinggi
0.9 – 1.0	Sangat tinggi

Sumber : Mohd Najib, (1999)

Menurut Mohd Najib (1997), nilai alpha 0.5 – 0.6 adalah memadai bagi instrumen yang dibina sendiri. Keputusan ini menunjukkan item-item atau alat ukur yang dibina sendiri mempunyai ketekalan dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

Analisis Data

“Mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang peranan Penasihat Akademik (PA) bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah di luar bidang akademik”

Jadual 3, menunjukkan taburan bilangan dan peratusan berkaitan dengan pengetahuan pelajar terhadap peranan penasihat akademik masing-masing bagi membantu mereka apabila menghadapi masalah di luar bidang akademik. Item-item yang berkaitan dan sesuai telah dikemukakan kepada responden untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan responden mengenai peranan penasihat akademik. Terdapat 13 item yang relevan dengan persoalan kajian dua telah dikemukakan bagi menjawab persoalan kajian ini.

Jadual 3 : Taburan bilangan dan peratusan berkaitan pengetahuan pelajar tentang peranan Penasihat Akademik (PA) bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah di luar bidang akademik

NO	SOALAN	TIDAK SETUJU		SETUJU	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
33	Saya boleh mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada penasihat akademik sekiranya saya menghadapi masalah keluarga.	228	59.6	155	40.4

34	<i>Penasihat akademik diberi tanggungjawab untuk membantu dan menasihati saya, sekiranya saya menghadapi masalah dalam memilih kerjaya.</i>	170	44.4	213	55.6
35	Sekiranya saya menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan persekitaran maka saya boleh mendapatkan bantuan dan nasihat dari penasihat akademik.	290	76	92	24
36	<i>Penasihat akademik bertanggungjawab dalam membantu saya berhubung dengan lebh berkesan dengan pensyarah lain.</i>	166	43.3	217	56.7
37	Saya boleh mendapatkan khidmat nasihat penasihat akademik sekiranya saya menghadapi masalah stress.	306	80	77	20
38	Saya boleh mendapatkan khidmat nasihat penasihat akademik bagi membantu meningkatkan lagi kemahiran generik saya.	224	58.5	159	41.5
39	Saya boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada penasihat akademik sekiranya saya menghadapi masalah berkaitan dengan cinta.	298	77.8	85	22.2
S40	Penasihat akademik akan diberi tanggungjawab untuk membantu mewujudkan perkembangan sahsiah yang seimbang terhadap diri saya.	186	48.6	197	51.4
S41	Sekiranya saya terlibat dalam kes jenayah dan ditahan oleh polis, adalah tidak menjadi tanggungjawab penasihat akademik untuk menjamin saya.	292	76.3	91	23.7
42	Sekiranya saya mempunyai masalah untuk membayar yuran pengajian, saya boleh mendapatkan bantuan dari penasihat akademik.	245	64	138	36
S43	<i>Perhubungan dan bidang tanggungjawab penasihat akademik terhadap saya adalah tidak hanya tertakluk ketika di dalam kampus tetapi juga di luar.</i>	260	67.9	123	32.1
44	Saya boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan daripada penasihat akademik sekiranya saya dibuli oleh rakan-rakan.	196	51.2	187	48.8
S45	<i>Sekiranya saya dibuang kolej oleh pihak universiti dan tidak menjadi tanggungjawab penasihat akademik untuk membenarkan saya menumpang di rumahnya.</i>	195	50.9	188	49.1
Purata Keseluruhan			61.4		38.6

Berdasarkan jadual 3, item 33 menunjukkan lebih separuh pelajar (59.6%) tidak mengetahui bahawa pelajar boleh mengusulkan masalah berkaitan keluarga kepada penasihat akademik bagi mendapatkan khidmat dan nasihat. Antara lain, penasihat akademik juga boleh menjadi tempat rujukan pelajar sekiranya menghadapi konflik dalam memilih bidang kerjaya. Pada item 34 menunjukkan, lebih dari separuh pelajar (55.6%) yang sedia maklum bahawa penasihat akademik boleh memberi bantuan dan khidmat nasihat sekiranya pelajar menghadapi konflik dalam memilih bidang kerjaya.

Pada item 35, menunjukkan sebahagian besar pelajar (76%) tidak sedia maklum bahawa penasihat akademik boleh membantu mereka dalam memberikan bantuan dan nasihat sekiranya pelajar menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti. Merujuk kepada item 37, respon yang diperolehi menunjukkan majoriti pelajar (80%) tidak tahu bahawa penasihat akademik mereka juga boleh memberikan bantuan sekiranya mereka menghadapi masalah stress.

Respon item 39 mencatatkan, sebahagian besar pelajar (77.8 %) tidak mengetahui bahawa penasihat akademik juga boleh membantu masalah percintaan mereka sekiranya hal tersebut diusulkan kepada pengetahuan penasihat akademik. Manakala peratusan kecil pelajar (22.2%) yang mengetahui perkara berkenaan.

Pada item 41, respon menunjukkan sebahagian besar pelajar (76.3%) tidak jelas bahawa penasihat akademik tidak bertanggungjawab dalam menjamin pelajar dibawah penasihatannya sekiranya mereka ditahan polis berbanding segelintir pelajar (23.7%) yang sedia maklum mengenainya

Respon bagi item 42, menunjukkan lebih separuh pelajar (64%) mengetahui bahawa penasihat akademik mereka tidak bertanggungjawab dalam menjelaskan yuran pelajar sekiranya pelajar menghadapi kesukaran untuk menjelaskannya.

Dalam item 43, respon menunjukkan majoriti pelajar (67.9%) tidak sedia maklum bahawa bidang kuasa penasihat akademik mereka juga tidak tertakluk di dalam kampus universiti sahaja. Selebihnya segelintir pelajar (32.1%) sahaja yang mengetahuinya.

Pada item 44, lebih separuh pelajar (51.2 %) tidak mengetahui bahawa penasihat akademik mereka boleh membantu mereka sekiranya mereka dibuli oleh rakan-rakan pelajar yang lain berbanding jumlah pelajar yang mengetahuinya (48.8%).

Pada item terakhir iaitu item 45, respon yang diperolehi menunjukkan lebih separuh pelajar (50.9%) mengetahui adalah bukan menjadi tanggungjawab penasihat akademik untuk menyediakan tempat tinggal kepada pelajar dibawah penasihatannya yang telah dibuang kolej. Manakala peratusan pelajar yang tahu mengenainya adalah segelintir sahaja (49.1%).

Perbincangan

Dalam kajian ini, pengetahuan pelajar telah diuji bagi mengetahui sama ada pelajar mengetahui atau tidak mengenai peranan-peranan penasihat akademik mereka khususnya dalam bidang akademik. Terdapat 32 item dalam soal selidik yang menyentuh tentang peranan penasihat akademik dalam bidang tugas membantu perjalanan akademik pelajar.

Berdasarkan jadual 4.6, terdapat 6 item yang berkaitan peranan penasihat akademik dalam menyimpan dokumen-dokumen pelajar seperti rekod akademik dan rekod peribadi pelajar. Menurut Tuan Baharom Mahmood (1996), penasihat akademik bertanggungjawab menyimpan rekod kemajuan akademik pelajar yang di bawah tanggungjawab penasihatannya. Daripada analisa yang telah dibuat menunjukkan bahawa majoriti besar pelajar tidak mengetahui bahawa penasihat akademik mempunyai salinan slip peperiksaan pelajar. Ini terbukti apabila peratusan

tertinggi dicatatkan bahawa sebanyak 91.1 peratus menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui penasihat akademik mempunyai salinan slip peperiksaan mereka. Hal ini boleh mengakibatkan pelajar menghadapi masalah untuk mendapatkan salinan kerana tidak mengetahui sebenarnya penasihat akademik mereka mempunyai salinannya.

Senario yang sama berlaku dalam bidang tugas penasihat akademik dalam membantu para pelajar melakukan pendaftaran mata pelajaran bagi setiap kali pelajar memasuki semester baru. Hasil kajian masih juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak jelas mengenai tanggungjawab penasihat akademik. Terdapat 8 item yang relevan dengan perkara berkenaan dikemukakan untuk menguji pengetahuan pelajar.

Majoriti pelajar iaitu sebanyak 51.7 peratus menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa penasihat akademik bertanggungjawab dalam membantu mereka membuat pemilihan mata pelajaran. Hal ini disokong lagi apabila sebahagian besar iaitu sebanyak 80.9 peratus menyatakan tidak mengetahui bahawa penasihat akademik mereka boleh membantu mereka dalam merancang skema pengajian pada setiap semester semasa pengajian. Di sini menunjukkan pelajar tidak berpengetahuan sepenuhnya mengenai peranan penasihat akademik kerana sekiranya pelajar tahu bahawa penasihat akademik dapat membantu merancang skema pengajian maka secara langsung pelajar tahu bahawa penasihat akademik dapat membantu mereka membuat pemilihan mata pelajaran. Implikasi yang mungkin timbul sekiranya pelajar tidak mendapatkan bantuan dan nasihat akademik dalam merancang skema pengajian ialah pelajar akan tersilap memilih mata pelajaran yang di luar kemampuan mereka.

Kurangnya pengetahuan pelajar terhadap peranan penasihat akademik dapat juga diteliti apabila peratusan yang tinggi iaitu 68.7 peratus pelajar tidak mengetahui bahawa penasihat akademik tidak bertanggungjawab dalam menetapkan mata pelajaran ko-kurikulum yang perlu diambil oleh para pelajar. Penasihat akademik hanya boleh mencadangkan dan tidak bertanggungjawab untuk menetakannya. Salah tanggapan turut berlaku apabila sebahagian pelajar iaitu sebanyak 50.4 peratus menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa penasihat akademik tidak bertanggungjawab dalam menetapkan mata pelajaran elektif yang perlu diambil oleh pelajar. Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas item-item berkaitan aspek pendaftaran mata pelajaran ini menunjukkan, secara keseluruhannya pelajar tidak mengetahui sepenuhnya mengenai tanggungjawab yang dipikul oleh penasihat akademik apabila 71 peratus pelajar tiada pengetahuan terhadap tanggungjawab yang telah dinyatakan melalui item-item tersebut. Menurut Zarina Hussin (1994), penasihat akademik bertanggungjawab menasihati dan memberitahu pelajar tentang kesan pendaftaran dan pengguguran kursus. Daripada penganalisan yang dibuat didapati sebahagian besar pelajar iaitu sebanyak 84.1 peratus tidak mengetahui bahawa penasihat akademik bertanggungjawab menasihati pelajar-pelajar di bawah penasihatannya yang ingin melakukan pengecualian mata pelajaran ataupun tarik diri. Oleh yang demikian menunjukkan menjadi suatu masalah besar sekiranya pelajar tidak mendapatkan pandangan dan nasihat sekiranya ingin melakukan pengecualian kursus.

Rujukan

Arthur P. Lloyd dan Aminah Hj Hashim (1998). *Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buletin P&P Versi Elektronik, Edisi 1: Jun 2005 <http://ctl.utm.my/buletin/index.htm>

Buletin P&P Versi Elektronik, Edisi 1 : Jun 2006 <http://ctl.utm.my/buletin/index.htm>

- Buku Panduan Akademik Universiti Teknologi Malaysia* (2003). Cook, Park dan William (1984). *Student Perception of Personal Problem, Appropriate Helpness and General Attitude About Counseling*, Journal Of Collage Student: March 134-144
- Driscoll JJ(1946).*The Schools in Contemporary Society*. New York: Macmillan Publishing Co.
- John Earwaker (1992). *Helping and Supporting Student*. Buckingham: SRHE and Open University Press.
- Kamus Dewan* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah*. Unit Bimbingan dan Kaunseling.
- Jabatan Matematik, Fakulti Sains, UTM, : 11 Julai 2007. <http://ctl.utm.my/buletin/index.htm>
- Mahmood Nazar (1990).*Penghantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (1994).*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar (1993). *Bimbingan dan Kaunseling-Tugas Guru dan Kemahiran Asas*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Lebar (1995). *Asas-asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd
- Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nurdinar Mohd Tamin (1996). *Penghantar Kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noraini Ahmad (2000).*Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors
- Salinah Pit (1999). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Keberkesanan Peranan Kaunselor Sepenuh Masa*.Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Arabi Idid (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Baharom Mahmood (1996). *Penasihat Akademik Satu Pandangan Peribadi*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Vivakanadan Al Sinnathamy (1998). *Persepsi Pelajar dan Guru Terhadap Kaunselor Dalam Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sebuah Sekolah Menengah di Melaka*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia